

7 APR 1982

Datuk Abdullah undur diri dari bertanding

KUALA TRENGGANU, Selasa — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman yang telah mengumumkan penarikan diri dari bertanding dalam pilihanraya 22 April hari ini berikrar berkempen bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional di negeri ini.

Bellau yang berkhidmat selama tiga penggal sebagai wakil rakyat berkata, tiada parti lain selain dari Barisan Nasional yang layak memerintah negara ini dengan cekap dan berkesan.

"Saya berharap orang ramai akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan dan Parti Barisan Nasional pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Datuk Musa Hitam," katanya kepada para pemberita di sini hari ini.

Katanya, keputusan

bellau mengundurkan diri itu bertujuan memberi peluang kepada muka baru dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed telah pun diberitahu mengenai hal ini.

Menurutnya, sepanjang bellau menjadi wakil rakyat, bellau telah banyak menjalankan peranannya untuk agama, negara dan bangsa.

Perniagaan

Katanya, kawasan-kawasan yang diwakilinya: Kawasan Parlimen Kuala Trengganu Selatan 1964-1969, kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Batu Rakit 1974-1978 dan kawasan Ulu Nerus, sehingga bulan lalu telah menikmati banyak projek pembangunan seperti pelajaran dan keagamaan.

Datuk Abdullah yang masih belum pasti tentang kegiatan yang akan dilakukannya mensifatkan pengundurannya itu sementara sahaja.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia